

Tayar bongkar tragedi

Anggota peronda mahu alih 'sampah' terkejut temui kereta terjunam ke laut di Jambatan Pulau Pinang

>>Oleh Isma Ismail
dan Hadzlihady Hassan
am@hmetro.com.my

GEORGETOWN: Sebiji tayar di tengah jalan yang pada mulanya di-sangka sampah oleh seorang anggota peronda trafik membawa kepada penemuan tidak diduga apabila ia sebenarnya tayar kereta milik seorang lelaki yang terjunam ke laut di Kilometer 7.9, Jambatan Pulau Pinang, di sini, awal pagi semalam.

Dalam kejadian jam 3 pagi itu, anggota terbabit yang melakukan rondaan rutin mulanya menyangka 'sampah' itu kemungkinan dibuang pengguna jambatan.

Anggota berkenaan mem-berhentikan kenderaan un-tuk mengambil 'sampah' itu kerana mahu mengelak se-barang kemalangan yang mungkin berlaku jika dibiarkan di tengah jambatan.

Bagaimanapun, anggota



ANGKAT... Proton Persona dinaiki Tan yang terjunam ke laut di Jambatan Pulau Pinang diangkat kren, semalam.

FOTO | Rosli Ahmad, Danial Saad dan Michael Ong



SEDIH...anggota keluarga mangsa tidak dapat menahan kesedihan selepas mengetahui nahas menimpa Tan.



BUKTI...tayar kereta Tan yang ditemui di atas jambatan.

Bagaimanapun, anggota terbabit terkejut apabila mendapati objek disangka sampah itu sebenarnya tayar kereta sebelum dia terlihat kesan serpihan kaca bertaburan atas jambatan.

Anggota polis berkenaan memaklumkan kepada beberapa rakan setugas sebelum mereka terkejut apabila mendapati tiang lampu turut patah dan terjatuh dengan keadaan tergantung dan menjunam ke dalam laut.

Melihat keadaan dan tanda itu, satu laporan dibuat kepada bilik gerakan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Timur Laut yang memaklumkan kejadian itu kepada Pasukan Gerakan Marin Wilayah 1 yang terbabit dalam gerakan mencari Tan Lean Loon, 24, yang dipercayai terjunam bersama keretanya ke laut di Kilometer 7.9, Jambatan Pulau Pinang, di sini, semalam.

Menurutnya, keadaan air yang keruh menyebabkan pasukannya tidak dapat mengeluarkan mayat hingga terpaksa menggunakan khidmat kren bagi mengangkat kereta

Gerakan mencari diteruskan jam 7.30 pagi, namun keadaan air yang keruh menyukarkan anggota penyelamat melakukan operasi mencari sebelum lokasi kereta berkenaan terjatuh dapat dikesan jam 9 pagi.

Setengah jam selepas itu, pasukan penyelamat menemui Proton Persona yang terjunam ke laut dan hasil pemeriksaan mendapati seorang lelaki berada di tempat duduk pemandu masih memakai tali pinggang keledar.

Mangsa didapati meninggal dunia dan pasukan penyelamat terpaksa mengguna-

Saya dapat 'rasa' mayat

G EORGETOWN: "Dalam keadaan air yang keruh, saya meraba-raba dan dapat rasa mayat mangsa berada di tempat duduk pemandu dan masih memakai tali pinggang keledar," kata seorang anggota Unit Selam Pasukan Gerakan Marin Wilayah 1 yang terbabit dalam gerakan mencari Tan Lean Loon, 24, yang dipercayai terjunam bersama keretanya ke laut di Kilometer 7.9, Jambatan Pulau Pinang, di sini, semalam.

Menurutnya, keadaan air yang keruh menyebabkan pasukannya tidak dapat mengeluarkan mayat hingga terpaksa menggunakan khidmat kren bagi mengangkat kereta

kan kren untuk menarik kereta berkenaan.

Operasi mencari dan menyelamat kemudian selesai jam 12.30 tengah hari dan keadaan air yang surut ketika itu memudahkan kren melakukan kerja mengangkat kereta berkenaan.

Difahamkan, mangsa, Tan Lean Loon, 24, yang bekerja sebagai kerani akaun di ki-

bersama-sama mangsa.

Katanya, kadar penglihatan dalam air ketika itu kurang jelas dan dia hanya dapat melihat pada jarak 0.4 meter.

"Pasukan kami dapat mengesan kereta mangsa pada kedalaman 10 kaki (empat meter) selepas melakukan penyelaman kali kedua jam 8.30 pagi.

"Sebelum itu, kami menggunakan kaedah membaling sauh dan tarik bagi mengesan kenderaan mangsa.

"Selepas sauh tersangkut pada kereta, kumpulan penyelam menjadikan tali sauh sebagai penunjuk arah ke kereta mangsa," katanya ditemui di tempat kejadian, semalam.


lang di Sungai Bakap, dekat sini, baru pulang dari tempat kerjanya berdasarkan pakaian lengkap dipakainya.

Sementara itu, Ketua Polis Pulau Pinang, Datuk Abdul Rahim Hanafi berkata, siasatan awal mendapati mangsa kemungkinan hilang kawalan sebelum terbabas dan keretanya terjunam ke laut.

"Bagaimanapun, kita masih



KELUAR... mayat Tan (gambar kecil) dibawa keluar dari kereta.



Grafik: Salim Dawam

menjalankan siasatan bagi mengenal pasti punca kemalangan dan mayat mangsa dihantar ke hospital untuk dibedah siasat," katanya.

Tinjauan Harian Metro di

lokasi kejadian mendapati keadaan tembok penghadang dan mayat mangsa terjejas dan kereta mangsa kemungkinan 'terbang' sebelum terhumban ke laut.

HM e-Paper



Untuk paparan video sila layari subscription.nstp.com.my